

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

Syabas kepada Persisi

BERITA HARIAN, 27 December 2004, Page 16

# Syabas kepada Persisi

## Peserta puji pencapaian anjur kejohanan

### **KEJOHANAN PENCAK SILAT DUNIA KELAPAN**

Ramai di kalangan pesilat mahupun juri serta para pegawai negara peserta di Kejohanan Pencak Silat Dunia Kelapan yang berlangsung minggu lalu mengucapkan tahniah kepada Persekutuan Silat Singapura (Persisi) kerana kejayaan menganjurkan kejohanan tersebut dengan lancar. Ikuti maklum balas yang disampaikan kepada Mohd Sani Ali.

**SUDAH** menjadi adat dalam setiap pertandingan pencak silat, baik di kejohanan setempat mahupun di peringkat antarabangsa.

Ada yang bersorak kegembiraan kerana berjaya, tidak kurang yang bersehdih kerana gagal, malah tidak sedikit juga yang kecewa apabila merasakan wasit bertindak berat sebelah.

Keluhan dan rintihan seperti ini bukan suatu yang baru, bahkan ia seakan-akan menjadi asam-garam dalam pertandingan.

Malah, ketika berlaku kekecohan yang menyebabkan gelanggang pertandingan di Dewan Sukan Bedok huru-hara selepas perlakuan wasit dari Vietnam yang tiba-tiba melenting kerana menganggap pesilat negaranya menjadi mangsa pengadilan berat sebelah, ia juga merupakan salah satu skrip yang tidak pernah lengang dalam pertandingan silat.

Bagaimanapun, pada keseluruhannya para tamu yang terdiri daripada 19 negara peserta — sejauh Jepun dari Timur Asia dan Russia dari Barat Asia, mahupun Nepal di Utara dan Turkey dari Timur Eropah — masing-masing tidak lokek ketika menghamburkan pujian kepada pihak pengajur.

“Sebagai bekas pesilat dan kini bertindak sebagai wasit, saya menyifatkan kejohanan di Singapura ini sebagai salah satu daripada kejohanan dunia yang paling berjaya,” demikian kata Delphine Chatelier, 33 tahun, dari Perancis.

“Dari segi penyertaan, jumlahnya bertambah, dan dari segi mutu, ia juga menunjukkan tanda-tanda peningkatan,” kata Chatelier.

Pesilat United Kingdom, Anita Khorugdharcy, 22 tahun, turut tertarik kerana kejohanan di Singapura disifatkan berupaya menghimpunkan ramai pesilat dari negara anggota yang baru.

Presiden Persekutuan Pencak Silat United Kingdom, Aidinal Alrashid, juga sedar pihak tuan rumah telah melakukan yang terbaik mungkin bagi menjayakan kejohanan yang besar itu.

Setiausaha agung Persekutuan Pencak Silat Belanda, Eveline Fredriksz, memuji pihak tuan rumah yang berjaya menganjurkan kejohanan tersebut dengan licin.

“Bukan suatu yang mudah untuk mengendalikannya jumlah peserta yang ramai, tetapi Persisi masih mampu menjalankan kejohanan ini dengan lancar,” sambungnya.

Bagaimanapun, Eveline yang dilahirkan di Jakarta agak terkilan dengan kekecohan yang berlaku di kalangan wasit dan berharap agar insiden seperti itu tidak berulang di kejohanan-kejohanan akan datang.

Pengurus pasukan Vietnam, Vu Quang Vinh, menyifatkan kejohanan dunia di Singapura turut membuktikan kekuatan pasukannya bagi kejohanan-kejohanan akan datang selepas Vietnam sekali lagi muncul sebagai juara keseluruhan.

“Taraf kejohanan ini sudah meningkat, tetapi kami kira kami sudah bersiap untuk mengharungi cabaran di masa akan datang,” jelas Vu tanpa mahu mengulas insiden yang berlaku.

**Pengerusi Persekutuan Pencak Silat Yaman, Mohammed A. Al-Faqih, bersama setiausaha agungnya, Bashir H. Al-Omaisi, gembira dengan apa yang mereka saksikan dalam penyertaan pertama pasukan negaranya di kejohanan dunia itu.**

**“Selaku tuan rumah, Singapura telah melakukan yang terbaik, baik dari segi penginapan mahupun pengangkutan para peserta. Syabas!” kata Mohammed.**


**Setiausaha agung Persekutuan Pencak Silat Filipina, Datuk Abdil Nasser Kiram, bersama pemenang pingat emas tunggal negara tersebut, Christopher Yabut, akur tidak mudah mengurus jumlah peserta yang ramai.**

**“Bagaimanapun, Singapura telah berusaha dan berjaya menyelenggarakan dengan sebaiknya.**

**“Bagi saya ini merupakan kejohanan yang terbaik kerana saya berjaya merebut pingat emas tunggal Filipina,” kata Yabut.**

**Bagaimanapun, ada pihak yang mahu kejohanan itu dianjurkan di gelanggang yang lebih selesa seperti Stadium Tertutup Singapura.**

**Cuma mereka mungkin tidak sedar jumlah yang bakal dibelanjakan oleh Persisi!**



**PUAS:** Christopher Yabut (*atas*) gembira merangkul pingat emas tunggal Filipina, sementara Datuk Abdil Nasser Kiram (*gambar sisipan, atas*) dari Filipina dan Vu Quang Vinh dari Vietnam (*gambar sisipan, bawah*) pula turut berpuas hati dengan kejohanan kendalian Persisi.

**foto-foto Tukiman Warji**